

Tekong cuba rasuah Maritim

Nelayan asing tawar RM1,000 kepada pasukan Geledah minta mereka lepas

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Parasan Geledah Agen-
si Penguatkuasaan Mar-
itim Malaysia (Mar-
itim) bukan sahaja menjumpai
peralatan menghisap dadah
malah turut cuba dirasauh
sebanyak RM1,000 selepas
memberkas sebuah bot ne-
layan asing Vietnam dinaiki
seramai lapan tekong dan
awak-awak, pagi semalam.

Bot yang turut menyamar

sebagai bot nelayan tempatan
itu ditahan lebih kurang jam
2 pagi kira-kira 45 batu nauti-
ka timur Kuala Kemaman.

Timbalan Pengarah
(Operasi) Maritim Wilayah
Timur, Kapten Maritim V
Pannir Selvan Veloo berkata,
pemeriksaan yang dilakukan
mendapati kesemua awak-
awak dan tekong yang berusia
antara 32 hingga 54 tahun
gagal mengemukakan doku-
men pengenalan diri yang
sah selain gagal mengemukakan
sebarang dokumen ber-
kaitan bot.

"Ketika sedang diperiksa,
tekong turut cuba memberi
rasuah sebanyak RM1,000
kepada pasukan Geledah
agar mereka dilepaskan.

"Semasa pemeriksaan di-
lakukan juga kita menemui
peralatan menghisap dadah
dipercayai jenis syabu dalam



Pannir menunjukkan peralatan menghisap dadah yang dijumpai di dalam bot dinaiki lapan tekong dan awak-awak warga Vietnam.

bot berkenaan," katanya pada
sidang media di jeti Pangkalan
Maritim Kemaman di Bukit
Kuang, di sini, semalam.

Pannir berkata, kes itu
merupakan cubaan rasuah
pertama yang direkodkan
pihaknya untuk tahun ini se-

takat ini.

Tambah beliau, bot itu
juga licik memperdaya pihak
penguat kuasa dengan mem-

pararkan nombor pen-
daftaran bot tempatan na-
mun taktik itu gagal.

Berdasarkan hasil soal
siasat awal, kesemua nelayan
ini mengaku baharu masuk
ke negara ini dan mereka di-
tahan ketika sedang me-
labuhkan pukat.

"Kesemua hasil rampas-
an melibatkan nilai bot dan
peralatan menangkap ikan
dianggarkan bernilai
RM500,000," katanya.

Katanya, bot terbabit tiba
di jeti Pangkalan Maritim
Kemaman kira-kira jam 12
tengah hari semalam untuk
siasatan lanjut di bawah Akta
Perikanan 1985 dan Akta
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)
2009 kerana cuba memberi
rasuah dan menceroboh ser-
ta menangkap ikan di perair-
an Malaysia.